

PENGLIBATAN AWAL UNTUK BELIA DI BAWAH 21 TAHUN (EE21)



PENGLIBATAN AWAL UNTUK BELIA DI BAWAH 21 TAHUN

APAKAH PENGLIBATAN AWAL UNTUK BELIA DI BAWAH 21 TAHUN (EE21)

Program Penglibatan Awal untuk Belia Di Bawah 21 tahun bertujuan untuk membawa usaha mahkamah dalam pemulihan pesalah belia ke arah lebih gigih dengan melibatkan mereka dari waktu kes mereka disebut buat kali pertama hinggalah ke hari hukuman dijatuhkan.

Oleh kerana tempoh ini akan mengambil masa yang agak lama, ia akan memanfaatkan pesalah belia sekiranya mereka dilibatkan secara bermakna dalam tempoh ini. Keperluan mereka akan dinilai dan rujukan kepada agensi pemerintah yang relevan dan organisasi tanpa untung akan dilakukan untuk menangani keperluan tersebut. Pusat Perkhidmatan Pakar akan menyelia perkembangan mereka sehingga kes Mahkamah mereka selesai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pakar Mahkamah Negara.





Apa yang akan saya perolehi dari ini ?



Penglibatan dalam Aktiviti Pro-Sosial dan Rekreasi

Untuk belia yang meminati sukan dan aktiviti rekreasi yang lain.

Bantuan Perumahan

Untuk belia yang memerlukan tempat tinggal sementara di rumah kediaman belia.




Bantuan Kewangan

Untuk belia dan keluarga mereka yang memerlukan sokongan kewangan.

Sokongan Pembelajaran

Untuk belia yang berminat untuk meneruskan pelajaran mereka.



Latihan Vokasional

Untuk belia yang berminat untuk menghadiri kursus Latihan Kemahiran jangka pendek.

Jadi, boleh saya turut serta?

Ya anda boleh, jika anda...

- > di bawah umur 21 tahun
- > setuju untuk dihubungi oleh agensi yang relevan dan mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh agensi tersebut
- > setuju untuk bertemu dengan Kaunselor Mahkamah secara kerap
- > sanggup untuk menyertai program ini kerana ia adalah proses sukarela
- > memenuhi kriteria penilaian yang lain yang dianggap perlu oleh Kaunselor Mahkamah.

Jika anda berminat, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pakar Mahkamah Negara.



MAHKAMAH NEGARA

1 Havelock Square, Tingkat 18, Singapura 059724



SC_CENTRE_FOR_SPECIALIST_SVCS@JUDICIARY.GOV.SG



6 JUSTICE (65878423)



Pusat Perkhidmatan Pakar Mahkamah Negara

Pusat Perkhidmatan Pakar (CSS) terdiri dari sekumpulan ahli psikologi, kaunselor, pekerja sosial dan kakitangan pentadbiran lain. CSS menyokong Mahkamah Negara dalam memberi penilaian dan rujukan kepada pengguna mahkamah dan menjalankan pengurusan program-program mahkamah. CSS juga bekerja rapat dengan agensi masyarakat di Singapura untuk memberi bantuan dan sokongan kepada pengguna mahkamah dan keperluan khusus mereka.

Penafian: Penerbitan ini dihasilkan untuk maklumat umum sahaja dan bukan untuk menggantikan nasihat guaman. Seorang peguam perlu dirujuk sekiranya anda memerlukan nasihat guaman mengenai kes anda. Mahkamah Negara menyangkal sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada dan berkaitan dengan kandungan penerbitan ini.

Segala maklumat adalah betul pada **1 Mac 2023**.

MAHKAMAH NEGARA

1 Havelock Square
Singapura 059724
Tel: 6 JUSTICE (65878423)
www.judiciary.gov.sg